

KEPUTUSAN-KEPUTUSAN DI DALAM PERSIDANGAN UKTAMAR AL-'ALAM AL-ISLAMI DI KARACHI

Oleh sebab perkara-perkara yang berkenaan dengan Muktamar Al-'Alam Al-Islami yang telah di adakan di Karachi boleh dikata tidak berapa tersiar atau terhebat maka untuk perhatian pembaca-pembaca di Semenanjung Tanah Melayu ini, dengan gambarnya di sini kita siarkan sebahagian daripada keputusan yang diambil oleh Muktamar itu yang semuanya ialah perkara-perkara yang patut diperhatikan oleh Al-'Alam Al-Islami umumnya oleh kerana perkara-perkara itu ialah perkara yang mengenai hal ehwal umum orang Islam yang masa ini pada setengah-setengah tempat telah menderita dengan berbagai-bagai penderitaan sekalipun mereka telah dan sedang pun bertelagah untuk melepaskan tali jeratan pada leher mereka. Keputusan-keputusan itu demikian:-

Palestin

Persidangan terbuka bagi Muktamar Al-'Alam Al-Islami ini adalah sangat-sangat tertarik kepada soal Palestin dan segala tenaga yang ada padanya, menyokong perdirian yang diambil oleh orang-orang Islam Palestin kerana menjaga hak-hak mereka dan melancarkan suatu perjuangan yang penuh kerana menentang penceroboh.

“Persidangan ini adalah juga merayu kepada umat-umat negeri-negeri Islam meminta mereka memberi bantuan yang penuh kepada cita-cita saudara-saudara mereka orang-orang Islam di Palestin dengan memasukkan suatu agenda dalam pelajaran dan pengajaran di sekolah-sekolah dalam berbagai-bagai negeri dan mengadakan suatu minggu Palestin tiap-tiap tahun dengan tujuan hendak menghidupkan ingatan dan kenangan-kenangan bagi orang-orang yang telah terkorban dalam pekerjaan mereka yang suci dan mengutip derma-derma bantuan”

Kesatuan Lembahan Sungai Nil

“Persidangan Muktamar Al-'Alam Al-Islami ini menyokong dengan sepenuh-penuhnya akan tuntutan umat lembaga Sungai Nil kerana kesatuan lembahan itu dan tuntutan Terusan Suez

“Persidangan ini mengucapkan ucapan tahniah yang tulus ikhlas kepada yang maha mulia Al-Malik Farouk atas hari keputeraannya dan meminta baginda meizinkan Ikhwah Al-Muslimin memberi perkhidmatannya kepada Mesir dan Islam.”

Hyderabad

“Perjumpaan Muktamar Al-'Alam Al-Islami ini mencela perbuatan haram menduduki Hyderabad yang dilakukan oleh

langgaran tentera dan perbuatan membunuh orang-orang Islam dan merampas harta benda mereka dan menuntut daripada Majlis Keselamatan bahawa suatu suruhanjaya yang adil hendaklah dihantarkan dengan serupa segera bagi membuat penyelidikan-penyelidikan yang mustahak.

As-Syed Kasim Razawi, yang Di-pertua Ijtihad Al-Muslimin. menteri-menteri dari Jemaah Menteri Liqat Ali dan lain-lain penganjur siasah itu hendaklah dibebaskan dengan serta merta dan dan semua tentera-tentera India hendaklah dipanggil balik dari Hyderabad dan sebuah pemerintahan di bawah rakyat bangsa-bangsa bersatu hendaklah diadakan untuk menjalankan akuan-akuan yang telah diberikan oleh kerajaan Buhazat kepada majlis keselamatan dan isytiharan raya hendaklah dibuat oleh Perdana Menteri India Pendeta Jawaharlal Nehru.”

Kashmir

(Dikemukakan oleh Mustafa As-Sabai dari Syria)

“Persidangan ini tetap dan kuat kepercayaan bahawa negara Jammu dan Kashmir itu, mengikut aliran iktisad, kebudayaan, bahasa, kedudukan dan bumi adalah sebahagian daripada perkara Islam iaitu Pakistan dan bahawa tidak ada kuasa lain di atas muka bumi ini yang boleh memecahkan ikatan yang mengikat umat Pakistan dan Kashmir.

“Persidangan ini mengucapkan tahniah kepada umat Kashmir dan mujahid-mujahidnya atas perjuangan yang perkasa yang dijalankan oleh mereka melawan maharaja dan pelanggar-pelanggar bangsa Indian kerana kebebasan negeri mereka dan kerana memecahkan belenggu kehambaan dan kezaliman Dugra yang telah zaman berzaman itu; dan mendoakan ke hadirat Allah Al-Wahid Al-Qahar supaya pengorbanan-pengorbanan mereka itu mendapat balasan dengan kejayaan yang penuh.

“Persidangan ini adalah mengalakkan juga akan majlis keselamatan mengambil langkah yang berkesan bagi menjalankan keputusan-keputusan Uncip, yang telah disetujui India dan Pakistan berkenaan dengan mengadakan sebuah pemerintahan yang adil di bawah ruyah Bangsa-bangsa Bersatu.

“Dan persidangan ini menetapkan bahawa kerajaan-kerajaan negeri-negeri Islam hendaklah digalakkan dengan serta merta mengarahkan wakil-wakil mereka dalam Majlis Bangsa-bangsa Bersatu menyokong cita-cita umat Kashmir.”

Eriteria

Persidangan Mukhtar Al-'Alam Al-Islami ini adalah tertarik juga berkenaan dengan masalah Eriteria dan meminta Bangsa-bangsa Bersatu menjamin akan hak-hak yang halal dari orang-orang Islam Eriteria.

Junagadh

“Berkenaan dengan undang-undang kemerdekaan India yang bertarikh 3 Jun 1947 dan sebagai satu daripada bahagian yang mustahak dari peraturan membahagi-membahagi seperti yang dipersetujui oleh pihak-pihak yang terbabit sebagai asas undang-undang itu dan pemindahan kuasa oleh kerajaan British maka negeri-negeri India telah diberi peluang memilih memasukkan India atau Palestin atau tinggal bebas. Maka negeri-negeri Junagadh Manavadar dan Mangero telah memilih Pakistan. Walaupun begitu India telah melakukan kecerobohan melanggar ke atas negeri-negeri itu dan umat-umatnya telah kena rompak dan sebagainya.

“Persidangan Mukhtar Al-'Alam Al-Islami ini mencela dengan kuat akan kecerobohan yang zalim yang dilakukan oleh India itu dan menuntut Majlis Keselamatan menyuruh India dengan serta merta menarik balik tentera-tenteranya yang bersenjata daripada jajahan-jajahan ini supaya dapat mereka balik ke Pakistan.

Yugoslavia

“Persidangan Mukhtar Al-'Alam Al-Islami adalah sangat-sangat tertarik kepada penderitaan orang-orang Islam Yugoslavia dan mencela serangan-serangan yang telah dilakukan di atas kebebasan mereka serangan-serangan yang seperti itu adalah suatu kecerobohan di atas dasar-dasar kemerdekaan dan kemanusiaan. Persidangan ini memberi

akuan kepada orang-orang Islam Yugoslavia akan memberi sepenuh-penuh bantuan pada mencapai hak-hak mereka dan wujud mereka yang aman.”

Bahasa

Persidangan Mukhtar Al-'Alam Al-Islami ini menetapkan bahawa untuk meluaskan pengetahuan agama dan kesatuan bahasa negeri-negeri Islam maka langkah-langkah berkesan akan diambil untuk memasyhurkan bahasa Al-Quran As-Syarif

Bahasa Arab adalah disuarakan menjadi bahasa basahan dari negeri-negeri Islam. Adalah mustahak juga diterangkan bahawa ketetapan ini tidak sama sekali mengesankan wujud dan kemajuannya bahasa satu-satu negeri.

Jawatankuasa siasah nombor 1

“Oleh sebab umat-umat negeri-negeri Islam mempunyai satu kepercayaan, tawarikh, masalah-masalah, tujuan-tujuan dan dasar-dasar maka adalah mustahak bahawa mereka hendaklah ada perhubungan-perhubungan persaudaraan mengikut ajaran Islam. Persidangan Mukhtar Al-'Alam Al-Islami ini bertanggungjawab menjalankan ikhtiar bagi menghapuskan segala perbezaan dan hasad dengki di antara mereka kerana yang demikian adalah berlawanan dengan dasar-dasar persaudaraan dan perjiranan yang baik.

“Persidangan Mukhtar Al-'Alam Al-Islami ini mengalakkan supaya segala usaha dan ikhtiar hendaklah dijalankan bagi menghapuskan perbezaan-perbezaan itu dan menghidupkan perhubungan-perhubungan persaudaraan di antara negeri-negeri Islam.”

Jawatankuasa siasah nombor 2

“Persidangan Mukhtar Al-'Alam Al-Islami ini memutuskan bahawa sebarang perbuatan mencerooboh ke atas sebarang negeri Islam hendaklah dipandang sebagai suatu perbuatan mencerooboh ke atas semua negeri-negeri Islam dan merayu kepada semua negeri-negeri Islam mengambil segala langkah yang dapat bagi menyelamatkan negeri yang kena serang itu yang mana adalah suatu kewajipan mengikut ajaran Islam dan piagam Bangsa-bangsa Bersatu”

Jawatankuasa siasah nombor 3

“Mengikut ajaran-ajaran Islam dan ajaran junjungan kita nabi Muhammad (SAW) semua orang dalam dunia ini adalah satu bangsa dan kesusahan-kesusahan dan dukacita seorang Islam itu adalah juga kesusahan-kesusahan dan dukacita

JAMADILAKHIR

(oleh pencinta Qalam)

Jamadilawal terbang melompat

Jamadilakhir mengambil tempat

Peredaran masa kejarlah cepat

Siapa usaha dia mendapat

Bulan berjalan tahun mengesot

Hari berlari bagai dibesut

Umur kita semakin susut

Jangan beramal barang yang kusut

Hidup kita menurut masa

Usaha ikhtiar buatlah jasa

Di dunia aman akhirat sentosa

Ingatlah diri jangan terpisia

Entahkan besok entahkan lusa

Izrail akan bertandang desa

Aniaya pun tidak ataupun paksa

Hak kita sendiri diberi rasa

Ingatlah pesan nabi sejati

Cari dunia seolah tak mati

Tuntut akhirat besok nak mati

Tamakkan dunia sayugia takuti

Ar Rahman sifat yang murah

Kepada manusia dunia diserahkan

Disuruh bekerja berbuat amarah

Tetapi jangan tak tentu arah

Quran hadis cukup menunjuk

Mencari dunia mahkota dan tajuk

Menuntut akhirat panas dan sejuk

Supaya jangan tentu rujuk

Quran menyuruh imarahkan dunia

Agama menunjuk ikhtiar nak kaya

Islam berkehendak kebesaran mulia

Tetapi jangan menipu mendaya

Demikian hadis menyampaikan khabar

Buat kebajikan di dunia yang liar

Tetapi iman jangan menggeleber

Menurut iblis sambar menyambar

Lupakan hukum Rabbal Jalal

Riba, arak disifatkan halal

Zina, judi dijadikan dalil

Bencikan yang imam dan bilal

Bencikan masjid jijikkan surau

Iman di dalam sompek dan seriau

Nasihat pertunjuk tidak dihirau

Jadilah hidup kering kemarau

Nikmat Tuhan dibuat sebarang

Meninggalkan suruh dikerjakan larang

Kubu syariat kenapa diserang?

Jadilah hidup hambanya orang

Ayuhai diri tidakkah malu

Kepada Allah Tuhan Awallu

Demikian nabi rasul penghulu

Agama dimain tidak kelulu

Tidakkah segera mahu bertaubat

Ke tali Allah kembali bertambat

Mengaku kesalahan nafsu musibat

Supaya terlepas palu dan sebat

Hai diri adakah kuasa

Menahan azab neraka yang binasa

Mungkarkah kamu menanggung siksa

Kemurkaan Allah Tuhan yang Esa??

orang-orang Islam yang lain orang-orang Mukmin itu adalah seperti

satu tubuh, jika satu bahagian daripadanya mendapat sakit

maka bahagian yang lain itupun akan merasai sakit juga.

“Kita sudah sedar bahawa pada zaman ini kita tidak

boleh menguraikan masalah-masalah kebangsaan kita dengan tidak

bersatu dan bekerjasama.

Oleh itu persidangan Muktamar Al-'Alam Al-Islami ini

merayu kepada umat-umat Islam dan kerajaan-kerajaan Islam supaya

bersatu dan bekerjasama pada mempertahankan kepercayaan mereka,

umat-umat mereka, tanah suci mereka dan negeri-negeri mereka.

“Dunia patut mengetahui bahawa pertubuhan dan kesatuan

kita ialah kerana pergaulan kita sendiri dan kerana

Keamanan dunia amnya dan bukannya kerana hendak melakukan

kecerobohan ke atas sesiapa jua.”

Gambar Hadiah

Gambar diambil tatkala

Sahib As-Samahah

Al-Haj Amin Husseini

Mufti Palestin bersama-sama

dengan Abdul Wahab

Azam Bek Menteri

Utusan Mesir

di Pakistan (di tengah-tengah)

dan Menteri Utusan

Syria di Pakistan

(Sebelah kanan) tatkala bercaakap-cakap di dalam perjumpaan

Muktamar Al-'Alam Al-Islami di Karachi

